



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

## KENYATAAN MEDIA

---

### MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN PROGRAM HAL EHWAL KESATUAN SEKERJA (PHEKS) TAHUN 2024 PERINGKAT ZON SABAH

---

Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) melalui Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS) selaku Jabatan yang bertanggungjawab mengawal selia kesatuan sekerja yang berdaftar telah ditugaskan untuk menyelaras pelaksanaan inisiatif dan pengagihan peruntukan kewangan kepada kesatuan sekerja di Malaysia bagi menjalankan aktiviti-aktiviti berkaitan kesatuan sekerja.

Pada tahun ini KESUMA melalui JHEKS juga telah memperuntukkan RM3.2 juta khusus untuk kesatuan sekerja di Malaysia bagi menyokong dan memantapkan pergerakan kesatuan sekerja melalui bantuan kewangan serta mewujudkan platform pendidikan untuk meningkatkan kemahiran kepimpinan anggota kesatuan melalui pembelajaran secara berterusan. Ini bagi mewujudkan pergerakan kesatuan sekerja yang matang dan progresif di Malaysia setara dengan kesatuan sekerja di peringkat antarabangsa dengan menerapkan konsep Malaysia Madani.

Program Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (PHEKS) merupakan satu bentuk bantuan kewangan yang dibayar secara *one-off* kepada kesatuan sekerja yang berdaftar di Malaysia. Sebanyak **enam (6) kluster** telah ditawarkan kepada kesatuan sekerja pada tahun ini iaitu Latihan dan Program Pendidikan, Kajian Pergerakan Kesatuan Sekerja, Penulisan Ilmiah berkenaan Isu-Isu Perburuhan berkaitan Kesatuan Sekerja, Pembelian Peralatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), Pembangunan Modul E-Learning Berbentuk Video Simulasi dan Pembelian Insurans Kelompok Kali Pertama Kepada Anggota Berhak.

**Jadual 1: Maklumat Permohonan PHEKS 2024 Bagi Negeri Sabah**

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>BIL. PERMOHONAN</b>	<b>JUMLAH (RM)</b>
1.	Jumlah Permohonan Keseluruhan Negara	1206	64,765,049.26
2.	Jumlah Kelulusan Keseluruhan Negara	369	3,200,000.00
3.	Jumlah Permohonan Negeri Sabah	65	1,247,275.20
4.	Jumlah Kelulusan Negeri Sabah	31	260,014.00

Majlis Penyerahan PHEKS 2024 Peringkat Negeri Sabah telah diadakan di **Hotel Klagan Regency Hotel, Kota Kinabalu Sabah** dan perasmiannya telah disempurnakan oleh **YB Dato' Sri Abdul Rahman bin Mohamad, Timbalan Menteri Sumber Manusia**.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**  
**06 MEI 2024**